

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**Kementerian Kesihatan siap sedia hadapi gelombang kedua H1N1**  
**04 Dec 2009**  
**Sinar Harian**  
**Nasional**  
**N/A**  
**Daily**  
**60,000 /**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**N6**  
**138 cm<sup>2</sup>**  
**Black/white**  
**552**  
**1,656**



## Kementerian Kesihatan siap sedia hadapi gelombang kedua H1N1

GEORGETOWN - Kementerian Kesihatan memberi jaminan penularan kes Influenza A (H1N1) di negara ini masih terkawal meskipun kes wabak penyakit itu di peringkat global mencatatkan peningkatan sebanyak 95 peratus.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, kementerian bagaimanapun tidak akan mengambil ringan perkara itu dan kini bersiap-sedia menghadapi gelombang kedua H1N1 bagi memastikan virus berkenaan tidak lagi mencetuskan kebimbangan terhadap rakyat negara ini.

Menurutnya, sehingga kini, sejumlah 10 mangsa disahkan positif H1N1, empat daripadanya kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk tiga mangsa yang

terdiri daripada kumpulan yang berisiko tinggi.

"Laporan mingguan kementerian melaporkan kes H1N1 setakat 22 hingga 28 November merekodkan 589 mangsa dimasukkan ke hospital dan daripada jumlah itu 573 orang dibenarkan pulang ke rumah.

"Sehingga hari ini (semalam) juga tiada laporan mencatatkan kematian baru disebabkan penyakit itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan HIV/AIDS sempena Hari AIDS Sedunia 2009, di sini.

Sementara itu, Tiong Lai berkata, Malaysia mengalami epidemik HIV secara berperingkat di kalangan wanita dengan bilangan kes jangkitan terbaru bertambah melalui hubungan

seksual.

"Kes HIV yang disebarkan menerusi hubungan seks meningkat dari 18.9 peratus pada 2000 kepada 29.8 peratus pada 2008 manakala kes di kalangan wanita bertambah dari 9.4 peratus kepada 19.1 peratus tempoh yang sama", katanya.

Kemuncak bilangan kes HIV dilaporkan ialah pada 2002 dengan 6,978 kes baru.

"Jumlah itu sama dengan kadar 28.5 notifikasi kes HIV bagi setiap 100,000 penduduk tetapi kadar itu menurun kepada 13.3 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2008," katanya.

Katanya, kementerian menggalakkan pasangan menjalani ujian HIV sebelum berkahwin bagi mengurangkan kadar jangkitan HIV, terutama wanita.